

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 20.06.2025 MASA: 04.45PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GOTONG-ROYONG  
MEGA 2025 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**22 JUN 2025 (AHAD)  
8.00 PAGI**

**DATARAN PADANG SEKSYEN 3  
TAMAN PUTRA BERTAM, KEPALA BATAS  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang mulia ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega 2025 Daerah Seberang Perai Utara** di Dataran Padang Seksyen 3, Taman Putra Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen menjayakan program ini, khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), GRN Industries Sdn. Bhd., Encik Zainuddin bin Mohamed, Ketua Whip Ahli Majlis serta semua yang hadir hari ini. Penglibatan aktif tuan-tuan dan puan-puan membuktikan semangat komuniti yang tinggi serta rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan dan keharmonian persekitaran.
3. Program Gotong-Royong Mega ini merupakan satu inisiatif strategik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memperkuuh agenda kebersihan bandar dan memperkasa budaya komuniti prihatin. Program ini bukan sahaja melibatkan aktiviti pembersihan secara menyeluruh dan turut disertai oleh lebih kurang 45 orang Wira

Oren MBSP, kontraktor pembersihan MBSP, penduduk setempat serta agensi-agensi yang bersama-sama menjayakan misi kelestarian alam sekitar. Oleh itu, saya berharap penglibatan daripada penduduk melebihi jumlah Wira Oren MBSP.

4. Hari ini, kita berkumpul di salah satu (1) daripada tiga (3) lokasi pelaksanaan serentak Program Gotong-Royong Mega 2025; selain Taman Putra Bertam (SPU), program ini juga berlangsung di Taman Pauh Jaya dan Taman Cendana Indah (SPT). Sejak penganjurannya bermula pada 30 Jun 2024, program ini telah berjaya dilaksanakan di 65 lokasi di seluruh Seberang Perai. Hasil usaha kolektif semua pihak termasuk warga komuniti, sebanyak 919.33 tan sampah telah berjaya dikutip, satu pencapaian luar biasa yang mencerminkan keberkesanan kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat.
5. Sempena program ini, satu taklimat khusus mengenai pengasingan sisa di punca akan diberikan oleh pegawai MBSP bagi memberi penerangan terperinci tentang kaedah pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Taklimat ini juga bertujuan menggariskan impak negatif kepada alam sekitar sekiranya amalan kitar semula tidak diterapkan dalam kehidupan sehari-hari kita.
6. Selain aktiviti gotong-royong serta kutipan sisa pukal dan kebun, pelbagai pameran interaktif turut diadakan melibatkan AADK dan GRN Industries, memberi ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan

maklumat bermanfaat dalam suasana yang santai dan mesra komuniti.

7. Sesungguhnya, program seumpama ini bukan sahaja membersihkan fizikal kawasan perumahan, bahkan turut menyemai nilai-nilai kesepaduan, muafakat dan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Ia juga menjadi platform untuk warga kota menzahirkan kecintaan terhadap alam sekitar serta menjalin hubungan baik dengan pihak berkuasa tempatan.

8. Harapan saya, semoga budaya gotong-royong ini terus disuburkan dalam kehidupan bermasyarakat dan tidak hanya bergantung kepada program sebegini semata-mata.

Saya ingin menegaskan bahawa program ini merupakan inisiatif MBSP yang menekankan betapa pentingnya kita semua berganding bahu dalam menjaga kebersihan kawasan masing-masing.

Tanggungjawab ini bukan terletak di bahu MBSP semata-mata, sebaliknya merupakan amanah bersama yang perlu dipikul oleh setiap individu dalam komuniti. Kebersihan ini adalah milik kita bersama.

9. MBSP komited untuk meneruskan kesinambungan Program Gotong-Royong Mega ini di 18 lagi lokasi menjelang akhir tahun ini. Saya yakin dan percaya dengan semangat kolektif yang ditunjukkan hari ini, kita mampu mencapai matlamat menjadikan Seberang Perai sebagai bandaraya bersih, hijau dan sejahtera.

10. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir untuk terus bersama-sama memelihara kebersihan persekitaran, mempraktikkan amalan 8R (“*Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover dan Recycle*”) serta menjadikan gotong-royong sebagai gaya hidup lestari.
11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Gotong-Royong Mega 2025 Daerah Seberang Perai Utara di Dataran Padang Persiaran Seksyen 3, Bandar Putra, Seberang Perai Utara.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***